

Submission date: 02/6/2024 Accepted date: 1/10/2024 Published date: 1/11/2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol31no2.653>

TREND PERSEKITARAN SOSIAL DAN IMPLIKASI TERHADAP TANGGUNGJAWAB DIRI REMAJA GENERASI Z

Social Environment Trends and Implications for The Self-Responsibility of Generation Z

Ahmad Fuad Mohamad Amin,^a Zurkarnin Zakaria,^b Mahiz Spawi,^c Abdel Rahman
Sulieaman Isleh,^d Nurul Atikah Anuar^e

^{a,b,c,d}Universiti Sains Islam Malaysia

^eUniversiti Kebangsaan Malaysia

ahmadfuad@usim.edu.my

Abstrak

Masalah sosial dalam kalangan remaja berkait rapat dengan nilai tanggungjawab dan persekitaran yang mempengaruhi konsep sendiri remaja. Kajian tinjauan ini dijalankan untuk melihat sejauh mana pengaruh persekitaran sosial dalam memberi impak kepada tanggungjawab diri pelajar Generasi Z. Seramai 807 orang pelajar di 22 buah SMK di sekitar negeri Johor dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Edaran soal selidik dijalankan sebagai proses pengumpulan data. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis Regresi Berganda menunjukkan persekitaran sosial menyumbang sebanyak 50% ke atas nilai tanggungjawab diri remaja. Ini merangkumi elemen ibu bapa ($\beta=0.304$), aktiviti kokurikulum ($\beta=0.254$), rakan sebaya ($\beta=0.221$), guru ($\beta=0.139$) dan media teknologi maklumat ($\beta=0.077$). Kajian ini memberi gambaran bahawa persekitaran sosial memainkan peranan penting untuk membentuk konsep diri remaja yang bertanggungjawab. Nilai tambah hasil kajian ini mendapati aktiviti kokurikulum menjadi peramal terpenting yang menyumbang kepada tanggungjawab diri remaja selepas ibu bapa, rakan sebaya dan guru yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

Kata kunci: Persekitaran sosial, tanggungjawab diri, remaja, Generasi Z

Abstract

Social problems among adolescents are closely related to the value of responsibility and the social environment that affects adolescents' self-concept. This review study was conducted to see the extent of the influence of the social environment in impacting the self-responsibility of Generation Z students. A total of 807 students in 22 SMKs around the state of Johor were randomly selected as the study sample. A questionnaire was administered as the data collection process. Data were analysed using SPSS software for descriptive and inferential analyses. Multiple Regression Analysis revealed that the social environment contributed up to 50% to the value of adolescent self-responsibility. This entails parents ($\beta=0.304$), curriculum activities ($\beta=0.254$), peers ($\beta=0.221$), teachers ($\beta=0.139$), and information technology media ($\beta=0.077$). This study demonstrates that the social environment plays a significant role in shaping adolescent self-concept that is responsible. The added value of the results of this study found that the extracurricular activities are the most important predictor that contributes to adolescent self-responsibility after parents, peers and teachers that need to be given attention by all parties.

Keywords: Social environment, self-responsibility, adolescents, Generation Z

PENGENALAN

Generasi Z yang sinonim dengan istilah “*Millennial*,” “*Next Generation*,” “*Echo Boomer*” (Bushra Shafiq et al. 2024) rata-rata lahir antara tahun 1995 hingga 2009, sering terdedah dengan arus perkembangan teknologi. Kemajuan teknologi tanpa sempadan ini memberi risiko kepada Masyarakat khususnya Generasi Z yang masih belajar untuk mengenal kehidupan yang semakin mencabar. Banyak sudut perlu dilihat untuk mengenal pasti mengapa remaja generasi Z mudah terjebak dengan masalah yang melibatkan krisis tanggungjawab diri. Menurut Hasimah (2010), tanggungjawab diri amat dipengaruhi oleh persekitaran sosial atau sistem nilai di sekeliling. Dalam konteks menangani krisis tanggungjawab diri ini, remaja sering kali berusaha menyesuaikan keadaan diri dengan persekitaran sosial mereka. Hal ini berlaku disebabkan oleh kefahaman tentang diri remaja yang sedia ada bertentangan dengan pengaruh luar dari aspek gaya hidup, pemikiran dan sistem nilai dalam persekitaran remaja (Marcia 1994) yang membabitkan institusi keluarga, persekolahan, dan tidak kurang penting adalah media (Maniaci et al 2023).

Urie Bronfenbrenner (1986) juga menegaskan persekitaran sosial atau sistem yang terdekat dan terpenting bagi remaja adalah ibu bapa, rakan sebaya dan sekolah. Ketiga-tiga faktor persekitaran sosial ini berada dalam aspek mikrosistem dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1986). Mikrosistem merupakan faktor persekitaran terdekat dengan diri remaja untuk berinteraksi dan menghabiskan paling banyak masa bersama. Ibu bapa merupakan agen sosialisasi yang paling signifikan dalam

kehidupan seseorang remaja semasa berada di rumah yang mampu memberi pengaruh besar ke atas tingkah laku remaja. Selain ibu bapa, lingkungan sekolah merangkumi aspek ucapan, perilaku dan sikap para guru atau pengelola sekolah seperti kaunselor sekolah memiliki pengaruh yang cukup besar dalam proses pembelajaran remaja (Hoferichter et al. 2024). Manakala pemilihan rakan sebaya yang positif juga mampu memberi perubahan yang baik kepada diri remaja. Ketiga-tiga faktor persekitaran ini sentiasa diberi perhatian dalam usaha untuk membentuk identiti remaja yang positif.

Terdapat satu lagi faktor persekitaran sosial yang dirasakan sangat dekat dengan pembentukan identiti diri remaja masa kini iaitu media dan teknologi maklumat. Dalam Teori Bronfenbrenner (1986), teknologi maklumat boleh dikategorikan sebagai aspek kronosistem iaitu selari dengan pembangunan sesebuah negara seperti alat komunikasi yang berteraskan internet. Maniaci et al (2023) mencadangkan supaya kajian berkaitan media dan teknologi maklumat perlu diteruskan dari semasa ke semasa sebagai kajian susulan memandangkan kemajuan yang dicapai oleh negara pada zaman Milenium ini telah mencabar perkembangan positif diri remaja. Jika dibandingkan dengan golongan remaja sejak 30 hingga 40 tahun dahulu, sebagai contoh remaja dahulu lebih sinonim dengan hubungan komunikasi secara bersemuka untuk bertanya khabar atau berbual. Berbeza dengan remaja generasi zaman milenium ini, seorang remaja mempunyai sekurang-kurangnya sebuah telefon bimbit pintar dan berkomunikasi secara alam maya (Maniaci et al. 2023). Fenomena ini memberi gambaran bahawa ledakan media dan teknologi maklumat mampu memberi impak dalam kehidupan remaja masa kini.

Bagu remaja generasi Z, mereka seolah-olah alpa dengan tuntunan agama untuk bertingkah laku baik walaupun pelbagai program keagamaan disediakan dari semasa ke sama. Jika dibandingkan dengan golongan remaja sejak 30 hingga 40 tahun yang lepas, remaja dahulu lebih mementingkan kepada pembangunan spiritual. Menurut Sidek Baba et al. (2018), masalah remaja ini dapat digambarkan apabila remaja masa kini lebih cenderung untuk berani melawan, terlalu bersikap terbuka tanpa segan silu, mementingkan diri sendiri, dan lebih ekstrem lagi ialah terjebak dengan salah laku jenayah yang tiada kesudahan. Hal ini kerana remaja mudah terikut-ikut dengan trend semasa terutamanya aspek penampilan diri sehingga melanggar adat norma dalam masyarakat ketimuran serta tuntutan agama.

Terdapat persepsi negatif lain dan stereotaip sering dikaitkan dengan diri remaja. Ini dibuktikan di mana remaja masa kini lebih cenderung kepada hiburan dan keseronokan, suka melawan dan mementingkan diri sendiri (Iannattone et al. 2024). Sikap negatif ini menggambarkan remaja masih lemah dari aspek mengawal diri dan hubungan dengan orang di sekeliling. Hal ini kerana remaja generasi Y lebih bersikap terbuka untuk menonjolkan siapa diri mereka terutama apabila dalam keadaan marah, tiada rasa malu dan hormat pada orang sekeliling terutamanya kepada ibu bapa dan guru. Jadi, tidak hairan jika di sekolah, remaja gemar melanggar peraturan sekolah dan bersikap kurang ajar dengan guru. Tambahan lagi, remaja lupa dengan

tanggungjawab sebagai seorang pelajar untuk mengulang kaji pelajaran akibat leka dengan gajet-gajet telekomunikasi dalam aktiviti seharian. Jika dibiarkan keadaan seperti ini bukan sahaja merosakkan imej remaja, malah merugikan masa hadapan remaja yang acap kali dikaitkan sebagai modal insan negara.

Kesimpulannya, berdasarkan perbincangan serta mengambil kira isu-isu yang telah dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, jelas menunjukkan terdapat pengaruh terhadap pembinaan sahsiah remaja Z. Pengaruh-pengaruh tersebut ialah ibu bapa, guru dan media teknologi dalam persekitaran sosial manakala aspek spiritual, penampilan diri, persekolahan dan hubungan dalam nilai tanggungjawab diri remaja.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Remaja Generasi Z sering dikaitkan dengan pengaruh persekitaran sosial sama ada di rumah atau di sekolah. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2018), kesalahan merokok merupakan antara penyumbang tertinggi kepada salah laku disiplin di sekolah iaitu sebanyak 13,362 kes dan diikuti isu ponteng sekolah (11,408 kes). Hal ini mungkin disebabkan oleh masalah daripada ibu bapa, guru dan rakan sebaya (Peters 2009; Grieve 2009). Jika di rumah, kebanyakan remaja sering keliru dan tidak selesa dengan tahap konsistensi ibu bapa dalam menetapkan falsafah keluarga (Sidek Baba et al. 2018). Akibat daripada layanan ibu bapa yang kurang konsisten, tambahan lagi guru di sekolah yang mengabaikan masalah pelajar, remaja lebih gemar untuk beralih perhatian kepada rakan sebaya. Malahan, kebanyakan rakan sebaya dalam kalangan remaja lebih cenderung ke arah tingkah laku negatif seperti merokok dan ponteng sekolah (Lin et al. 2024). Namun begitu, kajian-kajian tentang persekitaran sosial yang melibatkan pengaruh ibu bapa, rakan sebaya, guru, kaunselor dan aktiviti kokurikulum di sekolah lebih ke arah pencapaian akademik, perubahan tingkah laku, pemikiran, nilai moral, personaliti dan efikasi sendiri sangat terbatas (Wu Xiaoying et al. 2024). Oleh itu, kajian lanjutan ini dijalankan sebagai sokongan daripada kajian-kajian lepas untuk meneroka tahap persekitaran sosial dalam kalangan remaja.

Trend kebelakangan ini menunjukkan media dan teknologi maklumat memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi tingkah laku remaja. Didapati, remaja generasi Milenium yang sinonim dengan *smartphone* dan *tab* sering mengalami isu ketagihan melayari internet (Rudolf et al. 2019). Menurut kajian Shahrina (2012), akibat daripada pengaruh internet yang tidak dikawal dengan bijak akan mengakibatkan remaja mengalami masalah ketagih untuk mengakses laman yang tidak sihat dan memudaratkan diri, mudah terpedaya dengan fakta-fakta yang dianggap benar, kurang memberi tumpuan kepada pelajaran, dan menjadi pasif dari aspek komunikasi, perkembangan fizikal dan mental (Shahrina et al. 2012; Alyssa 2015). Keadaan ini memberi gambaran bahawa media dan teknologi maklumat banyak memberi kesan negatif kepada pembentukan identiti diri. Sebaliknya, media teknologi sebenarnya boleh menyumbang ke arah pembentukan identiti diri yang positif jika dikawal dengan baik (Rudolf et al. 2019). Namun, sumber literatur yang

menyatakan media teknologi berperanan dalam membantu remaja generasi masa kini untuk membentuk identiti diri yang positif masih kurang dibahaskan secara terperinci. Oleh itu, kajian susulan ini dijalankan untuk menilai sumbangan media dan teknologi sebagai salah satu elemen persekitaran terhadap pembentukan identiti diri remaja.

Selain daripada aspek persekitaran sosial, aspek tanggungjawab diri remaja juga perlu diberi perhatian serius dalam membentuk konsep sendiri. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2012), isu-isu melibatkan tanggungjawab diri remaja adalah seperti bergaduh yang merekodkan sebanyak 11,613 kes, aspek penampilan diri (10,844 kes), jenayah seperti merompak atau merempit (8,350 kes), tidak mementingkan masa (8,178 kes), kenakalan melampau (7,812 kes), ketagihan porno (2,714 kes), buli (2,154 kes) dan vandalisme (1,913 kes). Statistik ini menjelaskan bahawa isu-isu berkaitan tanggungjawab remaja ini berpunca daripada masalah seperti didikan agama yang kurang, pergaulan bebas, mudah memberontak, bersikap ego untuk menerima teguran, mementingkan diri sendiri dan malas untuk memperbaiki kelemahan diri. Masalah-masalah ini dapat dirumuskan bahawa remaja mengalami masalah tanggungjawab diri melibatkan aspek spiritual, mengawal diri, persekolahan, hubungan, penjagaan fizikal diri dan alam sekitar. Aspek-aspek tanggungjawab diri ini kebanyakan dijalankan dalam kajian secara terpisah dan masih bersifat umum. Justeru, kajian lebih empirikal dijalankan dengan memberi fokus sejauh mana tahap tanggungjawab remaja dan pengaruhnya terhadap pembentukan identiti diri remaja.



Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian yang diadaptasi dan ubahsuai daripada Teori Ekologi Perkembangan Manusia oleh Urie Bronfenbrenner (1986); Teori Aspirasi oleh Hossler & Gallagher (1987); dan Model Roda Kesejahteraan Manusia (Tanggungjawab Diri Remaja) Witmer & Sweeney (2000).

Hal ini menyebabkan hasil kajian terdahulu begitu kompleks serta sukar dijadikan sebagai teras kepada kajian mengenai tanggungjawab diri remaja khususnya Generasi Z. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah menentukan sama ada terdapat sumbangan persekitaran sosial terhadap pembinaan tanggungjawab diri remaja. Manakala hipotesis nul kajian memperincikan Persekitaran sosial (ibu bapa, guru, kaunselor, rakan sebaya, aktiviti kokurikulum dan media teknologi maklumat) tidak menyumbang secara signifikan ke atas tanggungjawab diri secara keseluruhan.

METODOLOGI

Dalam kajian tinjauan ini, pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif. Pendekatan kuantitatif digunakan bagi memenuhi objektif kajian iaitu mengenal pasti sumbangan persekitaran terhadap tanggungjawab diri remaja. Dalam pendekatan kuantitatif ini, reka bentuk yang digunakan ialah penyelidikan inferensi (tinjauan). Dalam konteks kajian, reka bentuk inferensi (korelasi) ini dipilih kerana dapat menerangkan masalah atau fenomena yang sedang berlaku dan dapat memberi gambaran tentang suasana sebenar (Creswell 2012) iaitu merangkumi sikap, persepsi dan proses yang sedang berlaku daripada populasi yang besar melalui teknik pensampelan mengikut kesesuaian kajian dengan bantuan soal selidik. Dalam kajian korelasi ini, pengkaji memilih terus analisis regresi untuk mengenal pasti sejauh mana pengaruh atau sumbangan setiap pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini terdiri daripada persekitaran sosial manakala pemboleh ubah bersandar pula ialah tanggungjawab diri remaja. Jadi, analisis regresi yang digunakan dalam kajian ini cukup untuk memberi maklumat bahawa setiap pemboleh ubah kajian mempunyai hubungan yang signifikan. Oleh itu, kajian tinjauan dijalankan dalam kajian ini dengan bantuan soal selidik dan dianalisis oleh pengkaji dengan menggunakan statistik kuantitatif.

Pengkaji mengambil keputusan untuk memilih hanya Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sahaja sebagai lokasi kajian. Secara rasionalnya, pemilihan SMK di negeri Johor kerana pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini mempunyai kebolehan kognitif yang seimbang untuk memberi persepsi tentang profil sendiri remaja masa kini. Manakala aspek jumlah populasi pelajar 16 tahun di 231 buah SMK dan 18 tahun di 84 buah SMK di seluruh negeri Johor masing-masing mencatat seramai 42,482 orang (16 tahun) dan 5,365 orang (18 tahun). Melalui kedua-dua populasi ini, sampel kajian yang dipilih bukan semua. Hal ini kerana sampel kajian dipilih secara rawak berstrata. Jumlah sampel dalam kajian ini telah dikenal pasti adalah seramai 381 orang untuk pelajar 16 tahun manakala pelajar 18 tahun adalah seramai 358 orang yang mencatat keseluruhannya seramai 807 orang sampel kajian.

Instrumen kajian ini mengandungi alat ukur untuk meninjau persepsi remaja tentang persekitaran sosial. Faktor persekitaran sosial remaja merangkumi pengaruh ibu bapa, pengaruh guru, pengaruh kaunselor, pengaruh rakan sebaya, pengaruh aktiviti kokurikulum dan pengaruh media serta teknologi maklumat. Keseluruhan

konstruk dalam soal selidik ini ialah 6 konstruk. Secara umumnya, soal selidik dibangunkan oleh pengkaji dalam kajian ini hasil adaptasi daripada soal selidik asal persekitaran sosial oleh Grieve (2009) dan Barclay (2010) yang telah diterjemahkan dengan menggunakan teknik *back to back translation* dengan merujuk kepada 3 orang pakar bidang. Selain itu, sebanyak 40 item dibangunkan berdasarkan skala likert 4 tahap (1=sangat setuju, 2=setuju, 3=tidak setuju dan sangat tidak setuju) dengan nilai kebolehpercayaan yang dicatatkan antara 0.60 hingga 0.70. Manakala Barclay (2010) turut membangunkan instrumen berdasarkan teori Bronfenbrenner (1986) untuk meninjau sejauh mana hubungan komponen mikrosistem iaitu sebanyak 12 item dan makrosistem sebanyak 9 item terhadap diet pemakanan dalam kalangan remaja di Amerika Syarikat, dan instrumen persekitaran Barclay (2010) ini mencatat nilai kebolehpercayaan yang tinggi (0.79 hingga 0.92).

Manakala instrumen asal bagi Inventori Tanggungjawab Remaja Malaysia (ITRM) telah dibangunkan sendiri oleh Hasimah (2010) dalam kajian mengenai tanggungjawab, kesejahteraan psikologi dan hubungannya dengan komunikasi keluarga dalam kalangan remaja. ITRM ini dibangunkan mengikut konteks golongan remaja sekolah di Malaysia. Pembangunan setiap item dalam inventori tanggungjawab ini berasaskan kepada Model Roda Kesejahteraan Manusia oleh Witmer dan Sweeney (2000) dengan melakukan beberapa pengubahsuaian berdasarkan Teori Tugas Perkembangan Remaja Robert Harvigust (1965).

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan nilai korelasi bagi setiap item yang diperoleh daripada *Corrected Item-Total Correlation*. Menurut Pallant (2017), kaedah ini cukup memadai untuk melihat skor nilai korelasi bagi setiap item selain menggunakan analisis korelasi Pearson. Keseluruhannya bagi setiap item soal selidik ITRM mencatat nilai korelasi yang tinggi iaitu melebihi 0.30. Kesimpulannya, kesahan konstruk bagi instrumen persekitaran sosial, tanggungjawab dan identiti diri remaja diperoleh melalui nilai korelasi bagi setiap item, iaitu item yang melebihi ($r > 0.30$) bagi setiap konstruk, maka instrumen tersebut mempunyai kesahan konturk yang diterima pakai untuk kajian sebenar.

Jadual 1.1 Nilai keseluruhan pekali *Alpha Cronbach* bagi pemboleh ubah persekitaran sosial dan tanggungjawab diri remaja

Komponen	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>
Persekitaran Sosial	0.901
Tanggungjawab Diri	0.914

Jadual 1.1 menunjukkan nilai keseluruhan *Alpha Cronbach* bagi ketiga-tiga pemboleh ubah dalam kajian iaitu faktor persekitaran sosial, tanggungjawab dan status identiti diri remaja. Ketiga-tiga pemboleh ubah kajian ini mencatat satu nilai *Alpha Cronbach* yang baik iaitu antara 0.810 hingga 0.904. Nilai-nilai ini merupakan

nilai *Alpha Cronbach* yang boleh diterima, baik dan indeks nilai kebolehpercayaan yang tinggi (antara 0.60 hingga 0.90) selaras dengan pendapat oleh Pallant (2017). Oleh itu, ketiga-tiga pemboleh ubah dalam instrumen kajian ini boleh diguna pakai dalam kajian ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Persekitaran sosial (ibu bapa, guru, kaunselor, rakan sebaya, aktiviti kokurikulum dan media teknologi maklumat) tidak menyumbang secara signifikan ke atas tanggungjawab diri secara keseluruhan. Bagi menguji hipotesis kajian, analisis regresi berganda (*enter*) langkah demi langkah juga digunakan. Penggunaan analisis ini disebabkan pengkaji tidak mengetahui elemen persekitaran sosial yang mana satu yang banyak memberi sumbangan secara langsung terhadap tanggungjawab diri remaja. Sebanyak enam pemboleh ubah bebas (elemen persekitaran) dikenal pasti dan diandaikan memberi sumbangan terhadap pemboleh ubah bersandar (tanggungjawab). Enam pemboleh ubah bebas yang telah dikenal pasti adalah mencakupi aspek ibu bapa, guru, kaunselor, rakan sebaya, aktiviti kokurikulum dan media teknologi. Manakala pemboleh ubah bersandar pula ialah tanggungjawab diri remaja secara keseluruhan. Pemboleh ubah tanggungjawab secara keseluruhan ini menunjukkan bahawa pengkaji tidak mengkaji setiap elemen pemboleh ubah bebas (tanggungjawab). Justeru, keputusan daripada hasil analisis regresi berganda (*enter*) langkah demi langkah berjaya mengenal pasti sumbangan relatif (secara langsung) elemen-elemen pemboleh ubah persekitaran terhadap tanggungjawab diri dalam kalangan remaja ditunjukkan seperti dalam jadual 1.2 di bawah:

Jadual 1.2 Analisis regresi berganda (*enter*) bagi pemboleh ubah elemen persekitaran yang sumbangan kepada tanggungjawab diri remaja (keseluruhan)

Pemboleh ubah bebas (X)	Pemboleh ubah bersandar (Y)	Pekali regresi B	Nilai Beta β	Nilai - t	Sig. p	Sumbangan R ²
Persekitaran sosial	Tanggungjawab					
Ibu bapa	Tanggungjawab (keseluruhan)	0.265	0.304	10.563	0.000	0.500
Kokurikulum		0.145	0.254	8.832	0.000	
Rakan sebaya		0.138	0.221	7.423	0.000	
Guru		0.102	0.139	4.589	0.000	
		0.049	0.077	2.767	0.006	

* Signifikan pada paras 0.05, 2 hujung (*two-tailed*)

Jadual 1.2 menunjukkan hasil daripada analisis regresi berganda langkah demi langkah dengan teknik (*enter*) untuk meninjau sumbangan secara langsung (β) dan sumbangan (R^2) yang signifikan pemboleh ubah bebas (elemen persekitaran sosial) ke atas pemboleh ubah bersandar (tanggungjawab). Dapatan kajian menunjukkan elemen persekitaran sosial menyumbang secara signifikan ke atas tanggungjawab diri remaja keseluruhan. Elemen persekitaran sosial tersebut merangkumi ibu bapa ($\beta=0.304$), aktiviti kokurikulum ($\beta=0.254$), rakan sebaya ($\beta=0.221$), guru ($\beta=0.139$) dan media teknologi maklumat ($\beta=0.077$). Kelima-lima elemen persekitaran sosial ini menyumbang secara signifikan sebanyak 50.0% ke atas varian tanggungjawab diri remaja secara keseluruhan. Ini menunjukkan hipotesis nol ditolak, menunjukkan wujud sumbangan elemen persekitaran sosial ke atas tanggungjawab diri remaja secara keseluruhan yang signifikan. Ini bermakna setiap elemen persekitaran sosial mempunyai hubungan yang signifikan dengan elemen-elemen tanggungjawab diri. Elemen persekitaran yang dikaji merangkumi ibu bapa, guru, rakan sebaya, aktiviti kokurikulum dan media teknologi terhadap tanggungjawab remaja secara keseluruhan.

Hasil analisis sumbangan kajian antara persekitaran sosial dengan tanggungjawab diri remaja, majoritinya mencatat pengaruh ibu bapa sebagai penyumbang dan mempunyai hubungan yang kuat dengan tanggungjawab diri remaja. Dapatan kajian ini memberi mesej bahawa spiritual memainkan peranan penting dalam membentuk remaja bertanggungjawab dan ibu bapa merupakan penyumbang tertinggi dalam membentuk remaja yang bertanggungjawab. Ini diikuti dengan pengaruh aktiviti kokurikulum, guru dan rakan sebaya. Dapatan ini sejajar dengan kajian (Ribeiro & Amorim 2024) yang menyatakan bahawa pembentukan remaja yang mempunyai konsep sendiri yang bertanggungjawab sama ada positif atau negatif bermula pada peringkat mikro terutamanya sekali bermula daripada persekitaran di rumah melibatkan ibu bapa, rakan sebaya dan sekolah seperti aktiviti kokurikulum (fizikal). Oleh itu, persekitaran sosial mikrosistem sangat berpengaruh dalam membentuk diri remaja untuk lebih bertanggungjawab.

KESIMPULAN

Hal ini kerana dalam aspek persekitaran sosial, ibu bapa merupakan penyumbang utama dan paling penting kepada perkembangan diri remaja. Dalam konteks kajian ini, ibu bapa perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran keibubapaan terutamanya dari aspek psikologi dalam mendidik anak-anak remaja. Tambahan lagi, pada masa kini iaitu zaman teknologi menjadi satu cabaran kepada ibu bapa untuk mendidik anak-anak. Ibu bapa perlu meluangkan masa bersama anak-anak remaja berbincang, memberi galakkan, dan berkongsi maklumat-maklumat terkini selari dengan perkembangan kognitif remaja zaman teknologi masa kini. Alasan ibu bapa yang tiada masa kerana terlalu mementingkan status ekonomi bukan alasan untuk meluangkan masa dengan mengambil tahu perkembangan diri anak-anak. Oleh itu,

ibu bapa perlu belajar untuk menjadi ibu bapa yang cemerlang kerana peranan ibu bapa sangat penting dalam membentuk remaja dan masyarakat keseluruhan yang rabbani dan mempunyai identiti yang positif.

Tanggungjawab diri juga memainkan peranan penting yang menyumbang kepada pembentukan identiti diri remaja yang positif. Selain aspek hubungan, spiritual dan persekolahan, aspek tanggungjawab diri yang paling penting serta perlu diberi perhatian oleh remaja ialah aspek cara remaja mengawal diri. Dalam konteks kajian ini, aspek kawalan diri dilihat melalui kesedaran remaja akan kelebihan dan menerima segala kekurangan diri. Sikap yakin dengan kebolehan diri dan menganggap sesuatu halangan sebagai cabaran adalah kunci kejayaan kepada remaja untuk mencapai matlamat yang ditetapkan (Chang Kun et al. 2024). Remaja seharusnya tidak berputus asa malah bersungguh-sungguh untuk mengatasi kekurangan diri hingga berjaya mencapai matlamat yang diinginkan. Selain itu, remaja perlu sentiasa tenang, berfikir dengan rasional dan matang dengan mengambil kira pandangan dan nasihat orang yang lebih dewasa terutamanya ibu bapa. Hal ini penting untuk remaja mengawal emosi dengan baik, sekali gus membantu remaja dalam membentuk identiti diri yang positif. Oleh itu, ibu bapa perlu membimbing, memberi galakan, dan menjadi contoh teladan yang baik kepada anak-anak remaja supaya mereka tidak berputus asa untuk membentuk dan mencapai identiti diri yang positif.

Kajian-kajian berkenaan persekitaran sosial dan tanggungjawab diri remaja dengan menambah lagi variabel sebagai satu nilai tambah yang perlu dicadangkan. Kajian lanjut menggunakan inventori yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji dengan lebih meluas dan boleh diterima pakai dalam semua peringkat pelajar khususnya di universiti atau kolej perlu dijalankan. Selain itu, Kaedah *Rasch Model* untuk membantu dalam pembinaan instrumen persekitaran sosial, dan tanggungjawab diri remaja yang dibangunkan boleh digunakan bagi menghasilkan instrumen yang benar-benar mantap dan sesuai mengikut konteks Malaysia dengan pelbagai elemen yang sesuai dan berkait rapat dengan Gen Z masa kini.

RUJUKAN

- Alyssa Teeter-Witt. 2015. The psychological experience of internet child pornography offenders. *Disertasion Dr. Phil*, Alliant International University.
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanin Hamjah. (2013). Ciri-ciri remaja berisiko: Kajian literatur. *Jurnal Islamiyyat* 35(1): 111-119.
- Bushra Shafiq, Anam Ali, Hidna Iqbal (2024). *Perfectionism, mattering and loneliness in young adulthood of Generation-Z*, Heliyon, Volume 10, Issue 1.
- Bin Baba, S., Salleh, M.J., Zayed, T.M., Harris, R. Historical development of islamic integrated education in Malaysia since 15th century: Current needs for the globalized world (2018) *History of Education and Children's Literature*, 13 (2), pp. 9-30.

- Bronfenbrenner, U. (1986). Ecology of the family as a context for human development: Research perspectives. *Developmental Psychology*, 22(6): 723.
- Chang, K., Lee, H.-W., Bennett, G. (2024). Generation Z and Millennial esports gamers' perceived toxicity risk and game brand loyalty: moderated mediation effects of brand identification, self-efficacy, and support from game brand, *Young Consumers*, 25 (1), pp. 28-44.
- Grieve, K.A. (2009). Urban American male high school students' educational aspirations for college and the influence of family, school, and peers, *Thesis Dr. Phil*, The University of Toledo.
- Creswell. J.W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Edisi ke-4. Boston, MA: Pearson Education, Inc.
- Havinghurst, R.J. (1965). *Development task and education*. New York: Longman Green.
- Hoferichter, F., Lohilahti, J., Hufenbach, M., Grabe, H.J., Hageman, G., Raufelder, D. (2024). Support from parents, teachers, and peers and the moderation of subjective and objective stress of secondary school student. *Scientific Reports*, 14 (1).
- Iannattone, S., Mezzalana, S., Bottesi, G., Gatta, M., Miscioscia, M. (2024). Emotion dysregulation and psychopathological symptoms in non-clinical adolescents: The mediating role of boredom and social media use, *Child and Adolescent Psychiatry and Mental Health*, 18 (1).
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2023*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lin, C., Mathur Gaiha, S., Halpern-Felsher, B. (2024). E-cigarette and combustible cigarette cessation patterns, reasons, and methods among adolescents, young adults, and adults, *Addictive Behaviors*, 150.
- Maniaci, G., La Cascia, C., Giammanco, A., Ferraro, L., Palummo, A., Saia, G.F., Pinetti, G., Zarbo, M., La Barbera, D. (2023). The impact of healthy lifestyles on academic achievement among Italian adolescents. *Current Psychology*, 42 (6), pp. 5055-5061.
- Pallant, J. 2011. *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. Fourth Edition. Australia: Allen & Unwin.
- Peters, P.A. 2009. Inspired to be the first: factors that predispose African American and Mexican American first-generation students to pursue higher education, *Thesis Dr. Phil*, Cardinal Stritch University.
- Ribeiro-Silva, E., Amorim, C. (2024). B-FREE project-building freedom for detained adolescents through physical education, *Educational Studies*, 50 (1), pp. 78-82.
- Rudolf, I., Pieper, K., Nolte, H., Junge, S., Dopfer, C., Sauer-Heilborn, A., Ringshausen, F.C., Tümmler, B., Von Jan, U., Albrecht, U.-V., Fuge, J., Hansen, G., Dittrich, A.-M. (2019). Assessment of a mobile app by adolescents and young adults with cystic fibrosis: Pilot evaluation. *JMIR mHealth and uHealth*, 7 (11).
- Shahrina Md Nordin, Wan Fatimah Wan Ahmad, M Yunus Nayan, Noorhana Yahya, Azrai Abdullah, Abdul Malek Abdul Rahman, Noraini Ismail, Noor Aini Ahmad & Othman

Mohd Yunus. 2012. A conceptual framework in examining the contributing factors to low academic achievement: self-efficacy, cognitive ability, support system and socio-economic. Proceeding International Conference on Management, *Social Sciences and Humanities* 106-111.

Wu, X., Zhang, W., Li, Y., Zheng, L., Liu, J., Jiang, Y., Peng, Y. (2024). The influence of big five personality traits on anxiety: The chain mediating effect of general self-efficacy and academic burnout *PLoS ONE*, 19 (1 January).